



14 FEB, 2023

159 gerai disediakan di bazar Ramadan dan Aidilfitri anjuran MBKS

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

159 gerai disediakan di bazar Ramadan dan Aidilfitri anjuran MBKS

KUCHING: Terdapat 159 gerai disediakan di bazar Ramadan dan Aidilfitri anjuran Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) tahun ini, kata Datuk Bandarnya Dato Wee Hong Seng.

Beliau memberitahu, angka ini hampir dua kali ganda bilangan gerai yang didirikan tahun lepas.

"MBKS telah menetapkan tempat letak kereta Pusat Komersial Stutong dan Pasar Komuniti Stutong untuk penubuhan gerai Ramadan dan Aidilfitri untuk jualan makanan bermasak, minuman dan barang perayaan dari 23 Mac hingga 21 April,"

katanya pada sidang media di sini semalam.

Wee juga berkata, mereka yang berminat mengendalikan gerai bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri boleh mendapatkan borang permohonan di Kaunter Perkhidmatan, Lobi Bangunan MBKS di Jalan Padungan mulai 13 Februari dan seterusnya pada waktu pejabat.

Beliau menambah, semua borang yang telah lengkap diisi hendaklah dilihat ke kaunter tersebut pada atau sebelum jam 4 petang pada 24 Februari bersama deposit RM100.

"Semua pemohon dikehendaki mengemukakan sijil kursus pengendalian makanan, menjalani pemeriksaan kesihatan dengan vaksin kepuluhan (atas kos sendiri) dan salinan sijil vaksinasi COVID-19 mereka," tegasnya.

Menurutnya lagi, pemohon yang berjaya perlu membayar yuran sewa gerai RM250 setiap gerai dan RM500 bagi gerai Aidilfitri kepada MBKS untuk bernaiga sepanjang tempoh bazar tersebut.

Sementara itu, pengurus pengajur Drahman Jaladin berkata, beberapa aktiviti lain juga akan dianjurkan sempena bazar Ramadan dan Aidilfitri seperti pengagihan bubur lambuk kepada orang ramai.

Beliau juga berkata, pengajur bercadang menjemput Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg merasmikan pembukaan bazar itu.

Mengenai bayaran sewa gerai bazar Ramadan RM250 yang menjual makanan, beliau berkata ia agak murah yang membolehkan peniaga menjual barang-barang mereka pada harga berpatutan kepada orang ramai.

Turut hadir pada sidang media itu ialah Timbalan Datuk Bandar MBKS Hilmy Othman.



BORANG: Wee (tengah) dan ahli majlis serta kakitangan MBKS yang lain menunjukkan borang permohonan gerai. Turut kelihatan Drahman (tiga kanan).



14 FEB, 2023

159 gerai disediakan di bazar Ramadan dan Aidilfitri anjuran MBKS

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Terdapat 159 gerai disediakan di bazar Ramadan dan Aidilfitri anjuran Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) tahun ini, kata Datuk Bandarnya Dato Wee Hong Seng. Beliau memberitahu, angka ini hampir dua kali ganda bilangan gerai yang didirikan tahun lepas."MBKS telah menetapkan tempat letak kereta Pusat Komersial Stutong dan Pasar Komuniti Stutong untuk penubuhan gerai Ramadan dan Aidilfitri untuk jualan makanan bermasak, minuman dan barang perayaan dari 23 Mac hingga 21 April,"

katanya pada sidang media di sini semalam.